

▼15/02/18-53MST

CNS3039

R PB 15-02 00203 BA871

bah

Sabah -- Mahathir

MAHATHIR GESA RAKYAT SABAH MENGUNDI BAGI SEBUAH SABAH BARU

I

KOTA KINABALU, 15 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menggesa rakyat Sabah mengundi Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya negeri pada Jumaat dan Sabtu ini kerana BN ialah satu-satunya gabungan yang boleh membawa kejayaan bidang ekonomi di negeri itu.

"Sebagai pemimpin BN, saya meminta sokongan anda untuk gabungan yang lebih besar yang mana akan menghala kita ke arah suatu ekonomi yang menakjubkan untuk Sabah," kata Perdana Menteri hari ini.

Dalam "Surat Peribadi Kepada Semua Rakyat Sabah" yang disiarkan dalam akhbar-akhbar tempatan, beliau berkata, mereka yang akan menentukan sama ada pertumbuhan ekonomi negeri itu kekal seperti dahulu untuk masa lima tahun lagi atau ekonomi yang lebih dinamis pada masa akan datang.

Dengan menyatakan "inilah peluang anda," Dr Mahathir berkata "pilihan ini berada di tangan anda dan bukannya pada sesiapa".

"Andalah yang akan menentukan sama ada Sabah akan terus ketinggalan di belakang negeri-negeri Malaysia yang lain atau menjadi sebuah Sabah Baru yang dinamik. Andalah yang wajib menentukan sama ada kebajikan rakyat Sabah harus dikorbankan kerana pertelagahan dan kepahitan beberapa orang pemimpin Sabah." -- Lagi.

▼15/02/17-49MST

CNS3129

R PB 15-02 00141 BA874

bah

Sabah - Mahathir 2 Kota Kinabalu

Dr Mahathir berkata BN telah mencapai keamanan, kemajuan serta kestabilan untuk rakyat Malaysia lebih daripada 37 tahun.

"Hasilnya, setiap rakyat Malaysia tidak kira apajua kaum ataupun agama telah menikmati kejayaan. Kepentingan kami hanyalah untuk membantu Sabah mendapatkan bahagiannya dalam kemakmuran di Malaysia," katanya.

Ketika negara di ambang abad ke-21 ini, dengan sasaran Wawasan 2020 di dalam genggaman, katanya, BN tidak mahu rakyat Sabah dianak-tirikan.

"Janganlah kita membuang masa lagi mengenai perbicaraan sempit tentang perkauman oleh ahli-ahli politik yang bercita-cita tinggi demi kepentingan diri mereka sendiri.

"Kita boleh bersama-sama membentuk Sabah sebagai sebuah negeri yang maju dalam ekonomi serta bersemangat waja, yang akan menjadikan rakyat Sabah berbangga dengan negerinya serta dihormati oleh setiap orang di dalam mahupun di luar Malaysia," katanya. -- Lagi.

▼15/02/18-23MST

R PB 15-02 00255 BA878

bah

Sabah - Mahathir 3 (Akhir) Kota Kinabalu

Menyedari bahawa tanggungjawab para pengundi "sememangnya amat berat sekali," Dr Mahathir mengakhiri suratnya itu dengan menggesa mereka memberi "BN satu mandat untuk sebuah Sabah Baru -- Sabah yang potensinya disedari sepenuhnya dan yang anak-anaknya bakal mewarisi kekayaan dan kemakmuran dengan sempurna".

Sementara itu, calon PBS bagi kawasan Petagas, Encik James Ligunjang dalam surat terbukanya yang juga disiarkan dalam media cetak, berkata pilihan raya 1994 ialah pilihan raya yang paling penting yang pernah dihadapi oleh PBS sejak penubuhannya pada 1985.

Katanya, semua rakyat Malaysia yang berasal dari Sabah perlu mengundi untuk membentuk perwakilan PBS yang kuat dalam dewan undangan negeri dan untuk membentuk kerajaan Sabah yang bersatu pada 20 Feb.

Dengan menyatakan beliau berpegang kepada konsep menjalinkan hubungan baik dengan pemimpin-pemimpin Persekutuan, Ligunjang juga berkata bahawa PBS tidak akan mengemukakan tawaran bagi kemasukan semula parti itu ke dalam BN dengan kebajikan rakyat Sabah menjadi pertaruhan, tetapi melalui kedudukan kekuatan moral, kebenaran dan keikhlasan.

Mengenai pencalonannya, beliau berkata dengan sokongan dan keyakinan para pengundi, beliau akan terus menyuarakan pendapat tanpa rasa takut dan untuk mewujudkan kepimpinan yang dinamik bagi memenuhi aspirasi semua rakyat Malaysia di Sabah, tanpa mengira bangsa, agama dan fahaman politik.

Seorang lagi calon PBS yang menggunakan media cetak bagi mendapatkan sokongan ialah penyandang Datuk Lau Pui Keong bagi kawasan Karamunting, yang berkata bahawa mengundi beliau akan memastikan pentadbiran negeri itu akan terus kekal di tangan rakyat Sabah. -- Bernama

AHH AZ NMO